

Pelaburan asing dilindungi: PM

Oleh ROSLAN ALI (P)

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan setiap pelaburan asing di Malaysia dilindungi oleh sistem perundangan negara.

Perdana Menteri berkata dengan jaminan itu, pelabur asing tidak perlu bimbang mengenai modal mereka di negara ini.

Beliau menegaskan, selain perlindungan itu, satu lagi faktor yang menjadi tarikan utama bagi pelabur asing ke Malaysia ialah kestabilan politik.

"Kerajaan yang sama sudah menerajui negara ini sejak mencapai kemerdekaan pada 1957. Bagi pelabur asing, ini bermakna kesinambungan dalam dasar kerajaan yang membolehkan pelabur berniaga dalam persekitaraan yang boleh diramalkan," katanya di majlis pelancaran Persatuan Pelabur Taipei di Malaysia di Kuala Lumpur semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata selain menawarkan pelbagai tarikan lain seperti kos buruh serta tanah yang bersaing, yang lebih penting ialah sikap kerajaan dan penduduk tempatan yang menerima pelaburan asing sebagai satu cara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan perindustrian.

Beliau berkata keyakinan pelabur Taiwan terhadap iklim pelaburan di Malaysia jelas mendatangkan hasil dan ini dapat dilihat pada kejayaan yang dicapai oleh firma-firma Taiwan di segi kadar pengeluaran dan perolehan keuntungan.

Menurutnya, peningkatan minat pelabur Taiwan terhadap Malaysia berpunca daripada kenaikan nilai matawang, gaji, kekurangan tenaga kerja dan hilangnya taraf Skim Keutamaan Am (GSP) oleh negara itu.

"Bagaimanapun, saya juga yakin minat untuk melabur di Malaysia berkait rapat dengan faktor tarikan yang wujud. Peningkatan minat yang mendadak sejak dua tahun lalu di kalangan pelabur Taiwan bukan satu fenomena berlaku sepintas lalu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagi tempoh 1988 dan 1989, sejumlah 289 projek Taiwan dengan jumlah pelaburan yang dicadangkan berjumlah lebih \$2,900 juta.